



[General](#)

Ziarah Prihatin UMPSA cakna keperluan pelajar bakal mendaftar

1 June 2026

PEKAN, 1 Jun 2026 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) akan menyantuni pelajar baharu yang berkeperluan sebagai inisiatif dan memudah cara urusan pendaftaran mereka pada 19 Julai depan bagi program pengajian diploma dan kemasukan program pengajian ijazah sarjana muda yang dijadual pada bulan September akan datang.

Malahan, UMPSA sentiasa cakna dan peka akan keperluan mereka mendaftar sehinggalah bergraduasi kelak terutamanya terhadap kebajikan sepanjang pengajian.

Melalui kerjasama erat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Yayasan UMPSA, fakulti dan rakan-rakan kolaborasi strategik, Skuad Ziarah Prihatin UMPSA akan digerakkan bagi membantu memudah cara urusan kewangan dan pendaftaran di UMPSA.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Profesor Ts. Dr. Yatimah Alias, pihak universiti dan Yayasan UMPSA sentiasa prihatin dalam menghulurkan bantuan buat pelajar berkeperluan dalam meringankan beban mereka terutamanya di awal pengajian semasa melangkah masuk ke menara gading.



جامعة ملایسيا پاهان
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

MAKLUMAT BANTUAN KEWANGAN & KEBAJIKAN MAHASISWA

Sepanjang Pengajian di UMPSA

Kami Prihatin, Kami bersama Anda.

1

BANTUAN YURAN PENGAJIAN



Maksimum RM650.00
satu semester bagi
yang layak

2

INISIATIF CAMPUS PANTRY



Gambang dan Pekan

3

INSENTIF PENDIDIKAN (PELAJAR BAHARU)



RM1000 bagi pelajar
kategori B40 yang
berkeperluan



4

DAPUR SISWA MADANI



7 buah di kolej kediaman
dan 2 berpusat di
Gambang dan Pekan

5

UMPSA EXPRESS MEAL



Bagi pelajar yang
berkeperluan sepanjang
semester

6

BANTUAN ZAKAT DAN SARA DIRI



Permohonan dibuka
setiap semester

7

E-KUPON KASEH PETROL



8

BANTUAN LAPTOP



9

SARAPAN PERCUMA



MINGGU PEPERIKSAAN
AKHIR

10

MYSISWA JOB ON CAMPUS



11

E-KUPON MENU KASEH SISWA



Di semua 17 kafeteria
Gambang dan Pekan

12

BANTUAN KECEMASAN



RM150

13

BANTUAN MUSIBAH



RM500

14

PEK "SENTUHAN KASEH" KEPERLUAN ASAS MAHASISWA LUAR KAMPUS



15

KHAIRAT KEMATIAN PELAJAR



RM5000

16

SUMBANGAN KEMATIAN IBU/BAPA/PASANGAN



RM1500

17

SUMBANGAN PENGURUSAN JENAZAH



RM2000

18

ELAUN WAD



RM100
sehari

19

SUMBANGAN KEILATAN



RM8000

*UMPSA Sentiasa Prihatin.
Keperluan anda, keutamaan kami.*



“Skuad Ziarah Prihatin UMPSA akan memulakan siri jelajah ke seluruh negara bagi mengenal pasti bakal pelajar berkeperluan dan mereka akan dihubungi pihak JHEPA dan disusuli dengan Program

Ziarah Prihatin untuk mengenal pasti keperluan pendaftaran pelajar termasuk pengangkutan ke universiti.

"Usaha ini juga diperluas ke seluruh negeri termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Malahan, pelajar dibenarkan mendaftar terlebih dahulu dan isu pembayaran hendaklah diselesaikan kemudian bagi memastikan tiada lagi pelajar miskin tercicir daripada pendidikan tinggi hanya kerana tidak mempunyai wang ketika hari pendaftaran," ujarnya.

Yayasan UMPSA dengan tema 'Pilih untuk Berkongsi' komited dalam menyokong pendidikan dan kebajikan pelajar.

Sebagai sebuah organisasi yang fokus kepada kesejahteraan pelajar, UMPSA dan Yayasan sentiasa memastikan tiada pelajar yang tercicir dari segi bantuan kewangan atau sokongan moral.

Ujarnya, Bantuan Insentif Pendidikan diberikan kepada mereka yang kurang berkemampuan dan menghadapi masalah kewangan untuk menyambung pengajian di universiti.

"Sejak dilaksanakan pada tahun 2016, usaha ini telah memberi manfaat kepada lebih 2,000 pelajar baharu daripada golongan yang memerlukan setiap kali pendaftaran pelajar baharu," katanya.

Dalam masa yang sama, menerusi JHEPA terdapat beberapa bantuan yang disalurkan kepada pelajar yang berkelayakan seperti Dermasiswa B40 TVET, Bantuan Komputer Riba dan Siswa Sulung (Ijazah Sarjana Muda), zakat serta lain-lain bantuan buat pelajar berkeperluan.

Bagi pelajar yang menerima Dermasiswa B40 TVET, yuran pengajian setiap semester akan ditanggung sepenuhnya kecuali yuran penginapan asrama dan pelajar akan menerima elaun sara diri sebanyak RM730.00 (diploma) dan RM800.00 (ijazah sarjana muda).

Manakala Bantuan Komputer Riba pula disalurkan kepada pelajar yang berkeperluan sekiranya pelajar mempunyai kekangan kewangan untuk membeli komputer riba.

Lebih menarik pelajar lepasan diploma, matrikulasi, politeknik, Kolej Vokasional dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang cemerlang dan terpilih menyambung pengajian di UMPSA juga bakal menerima Insentif Kecemerlangan Yayasan UMPSA bagi sesi akademik pada tahun ini.

Insentif Kecemerlangan ini diberikan kepada mereka yang telah memilih UMPSA sebagai pilihan pertama dan menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang.

UMPSA juga turut memperkenalkan UMPSA *Express Meal* yang merupakan makanan *retort* sebagai salah satu inisiatif kemudahan pelajar di bawah inisiatif *food@campus* (UMPSA *Campus Pantry*).

Kemudahan lain termasuk Menu Siswa Madani untuk meringankan beban kewangan pelajar.

Lain-lain adalah Bantuan Zakat untuk pelajar Muslim, Bantuan Sara Diri untuk pelajar Non-Muslim, Bantuan Musibah dan pelbagai lagi bantuan yang disediakan.

Malahan, prihatin terhadap usaha membantu pelajar, universiti juga memperkenalkan program *Job on Campus* (JoC) sebagai inisiatif universiti dan KPT untuk membantu pelajar menambah pendapatan sampingan, membina kemahiran insaniah dan mengurangkan kos sara hidup secara

sambilan di dalam kampus.

PELAJAR B40 & PENDAFTARAN KE UNIVERSITI

JANGAN RISAU, PENDIDIKAN TINGGI UNTUK SEMUA



Kerajaan, KPT dan institusi pendidikan tinggi memahami cabaran kewangan pelajar B40. Pelbagai bantuan disediakan agar kewangan bukan penghalang kepada pendidikan tinggi.

1 BANTUAN KEWANGAN YANG DISEDIAKAN

RM

Bantuan awal pendaftaran daripada PTPTN



Kos pendaftaran IPTA tidak melebihi RM1,500



Pembiayaan pendidikan dengan kadar bayaran balik yang fleksibel



Biasiswa dan dermasiswa daripada kerajaan, agensi, GLC dan sektor swasta



Program Sulong (tajaan yuran pengajian sepenuhnya) bagi anak-anak B40 yang layak



Bantuan kewangan khas kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah



Bantuan sara hidup bagi menampung perbelanjaan harian sepanjang pengajian



Bantuan zakat dan kebajikan yang disalurkan melalui institusi berkaitan

2 BANTUAN KOS SARA HIDUP



Penempatan di kolej kediaman dengan kadar sewaan yang bersubsidi.



Program dapur siswa dan bantuan makanan kepada pelajar yang memerlukan.




Tabung kebajikan pelajar yang boleh dipohon dalam keadaan tertentu.



Bantuan kecemasan bagi pelajar yang menghadapi kesukaran kewangan mendadak.

3 BANTUAN SEMASA PENDAFTARAN



Penangguhan bayaran pendaftaran kemasukan kepada mereka yang memerlukan



Kaunter bantuan kewangan & kebajikan pelajar



Pelan pembayaran secara ansuran bagi bayaran tertentu



Bantuan pengangkutan dan logistik bagi yang memerlukan semasa pendaftaran



Bantuan khas daripada yayasan, alumni dan badan kebajikan pelajar



Program penaajaan peralatan pembelajaran dan keperluan asas pelajar

4 KERAJAAN, KPT & IPTA SENTIASA PRIHATIN



"Kebajikan dan akses pendidikan kepada semua golongan rakyat Malaysia sentiasa menjadi keutamaan kami."

5 PESANAN KEPADA PELAJAR & IBU BAPA



- ✓ Pelajar dan ibu bapa tidak perlu bersendirian dalam menghadapi cabaran kewangan.
- ✓ Pastikan hadir mendaftarkan diri di IPTA berkenaan.
- ✓ Sekiranya terdapat kesukaran, sila berhubung terus dengan pihak universiti, KPT atau agensi berkaitan bagi mendapatkan maklumat mengenai bantuan yang tersedia.
- ✓ Pemimpin setempat juga sentiasa bersedia membantu mempermudah segala urusan kalian.



KESIMPULAN

Walaupun kos kemasukan mungkin menjadi cabaran kepada pelajar B40, pelbagai mekanisme bantuan telah disediakan oleh kerajaan, KPT dan universiti bagi memastikan akses kepada pendidikan tinggi kekal terbuka, adil dan inklusif untuk semua.



INI AMANAH KITA, INI JARIAH KITA ❤️

#MaiAjeDaftarDulu

#PendidikanUntukSemua

#KPTPrihatin

#B40KeMenaraGading

- 68 views

[View PDF](#)